

05 DEC 1999

LIMA `99 TURUT PAMERKAN GAMBAR LAMA DR MAHATHIR

LANGKAWI 5 Dis (Bernama) -- Pengunjung segmen udara Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA `99) bukan sahaja dapat melihat model pesawat yang dipamerkan malah berpeluang melihat gambar-gambar Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa bertugas di Langkawi sekitar tahun 1950an.

Ini adalah peluang terbaik bagi generasi sekarang melihat wajah Dr Mahathir semasa bertugas sebagai Pegawai Tadbir Hospital Langkawi.

Sebuah syarikat swasta di sini mengambil inisiatif mempamerkan gambar-gambar pemimpin negara, pemandangan Langkawi dan sebuah jeti pendaratan di Kuah.

Selain itu, gambar bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj yang pernah bertugas di Langkawi suatu masa dahulu turut dipamerkan untuk tatapan para pengunjung.

Jurucakap syarikat itu berkata gambar-gambar itu merupakan koleksi catatan sejarah yang masih disimpan oleh mereka.

Sementara itu, ruang udara terus bergegar dengan pertunjukan pesawat negara-negara peserta yang mengambil bahagian.

Pameran enam hari itu sejak 30 Nov, yang menarik kira-kira 1,000 syarikat tempatan, serantau dan antarabangsa, dibahagikan kepada dua segmen -- segmen maritim anjuran HW LIMA dan segmen aeroangkasa yang dikendalikan oleh LIMA Le Proton.

-- BERNAMA
ZI/SHO NAK